



KENYATAAN MEDIA • 20 APRIL 2020

Menyambut Bulan Ramadan Dalam Tempoh PKP

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan al-Mubarak kepada semua rakyat Malaysia.

Kami sedar bahawa saudara-saudari Islam kita pada bulan Ramadan tahun ini perlu melakukan pengorbanan yang lebih berbanding tahun-tahun yang lepas, terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Namun, semangat Ramadan pada tahun ini sedikit pun tidak pudar. Nilai-nilai yang digalakkan sepanjang bulan Ramadan seperti bersedekah, menghulur bantuan kepada yang memerlukan, dan mengurangkan pembaziran, kini adalah semakin penting untuk diamalkan.

Kami ingin memberikan beberapa cadangan kepada rakyat Malaysia ketika meraikan Ramadan dalam tempoh yang luar biasa ini:

1. Kekalkan Penjarakan Fizikal

Rakyat Malaysia perlu mengekalkan penjarakan fizikal. Walaupun tahun ini tiada bazar Ramadan atau solat tarawih berjemaah di masjid, amalan ibadat yang dilakukan di rumah tetap bermakna. Dengan mengamalkan penjarakan sosial, kita boleh melindungi keluarga dan masyarakat secara am, terutamanya warga emas. Tindakan ini adalah satu bentuk pengorbanan dan tanda kasih dan sayang.

2. Kuatkan Komuniti Anda

Kami akui bahawa menyambut Ramadan dalam keadaan terpisah daripada orang tersayang dalam tempoh PKP ini adalah sukar dari segi mental dan emosi bagi ramai pihak. Kami mengajurkan pemimpin tempatan dan ketua agama seperti ketua kampung dan imam untuk mengambil inisiatif menyokong komuniti mereka menggunakan platform alternatif seperti aplikasi telefon, konferens secara atas talian atau media sosial sepanjang bulan ini. Waktu ini masih boleh digunakan untuk refleksi dan memperbaiki diri, saling berkongsi dan menjaga antara satu sama lain dalam kadar jarak yang sihat, untuk mengurangkan rasa berseorangan atau berasingan.

3. Menjaga Orang Lain

Semangat bulan Ramadan datang dari nilai-nilai bersedekah, berkasih sayang dan saling menolong antara satu sama lain. Walaupun sambutan tahun ini lain daripada tahun-tahun sebelumnya, kita masih boleh menyempurnakan niat yang sama. Ramadan pada tahun ini, kita berpeluang untuk mengimarhkannya dengan menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang tidak bernasib baik. Kita dapat meraikan semangat bulan ini dengan menjaga jiran-jiran kita, misalnya dengan menyumbangkan makanan atau wang agar tiada orang yang kelaparan, atau dengan meluangkan masa untuk mefonia jiran bertanyakan khabar.

Kami berharap saranan-saranan di atas dapat membantu rakyat Malaysia untuk menyesuaikan diri dengan Ramadan tahun ini. Kami percaya Ramadan kali ini masih boleh disambut dengan baik walaupun masih berada dalam tempoh PKP.

MHC mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan yang penuh makna kepada seluruh rakyat Malaysia.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Malaysian Health Coalition

45 Persatuan termasuk IKRAM Kesihatan, IMAM dan PERDIM, & 19 Individu

Senarai penuh di myhealthcoalition.org.

20 April 2020